

15/05/2000

Lotus, Mesiniaga bina persekitaran e-pembelajaran

LOTUS Sales & Services dan Mesiniaga Bhd berkongsi komitmen membina persekitaran pembelajaran elektronik (e-pembelajaran) dan perkongsian pengetahuan untuk Universiti Utara Malaysia (UUM) dengan menggunakan rumusan Lotus di seluruh kampus.

Komitmen itu ditunjukkan dalam satu majlis menandatangani memorandum persefahaman oleh kedua-dua syarikat berkenaan dengan UUM yang disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Sintok, Kedah, baru-baru ini.

Lotus diwakili oleh Pengarah Urusan Lotus Development Corporation, Peter Goh; Mesiniaga diwakili Ketua Pengarahnya, Wan Fusil Wan Mahmood dan Naib Chanselor UUM, Datuk Prof Dr Mohammad Noor Salleh mewakili UUM.

Goh berkata, Lotus berbangga dan berbesar hati kerana diberi kepercayaan oleh UUM menjayakan projek itu.

"Penggunaan rumusan Lotus di seluruh kampus memberikan daya ketahanan, keupayaan peningkatan dan fleksibiliti yang sesuai dengan rancangan universiti elektronik (e-universiti) dan rancangan perkembangan teknologi maklumat pada masa hadapan," katanya.

UUM akan menggunakan rumusan Lotus di seluruh kampus, seperti Lotus Notes, pelayan Lotus Domino dan Lotus Smartsuite yang membolehkan pengguna memanfaatkan Internet dan pengetahuan dengan mudah, mengurus maklumat dengan cekap dan membentuk hubungan yang berkesan dikalangan ahli institusi.

Sementara itu, Wan Fusil berkata, rumusan Lotus membantu menggalakkan inovasi dengan menyediakan ciri seperti mudah digunakan, terbuka dan mudah disesuaikan dengan keperluan pengguna membolehkan mereka bekerja dengan cara yang mereka ingini.

(END)